

KOS PENGELUARAN AYAM DAN TELUR

SUKU TAHUN KETIGA 2025

Kos Pengeluaran Ayam adalah RM6.07 per kilogram, manakala Kos Pengeluaran Telur Ayam RM0.35 sebiji pada Suku Tahun Ketiga 2025

Isu berkaitan kos pengeluaran ayam mula dibangkitkan sejak awal 2021 secara global termasuk Malaysia kesan daripada krisis kesihatan awam yang mendorong kepada penutupan sempadan antarabangsa dan langkah kawalan pergerakan pada tahun 2020.


Permintaan tinggi bahan mentah terutamanya bagi komoditi makanan ternakan ditambah dengan kekurangan stok bekalan menjadikan harga komponen makanan ternakan di peringkat global meningkat mendadak sejak 2021.

Rentetan itu, DOSM telah melaksanakan Survei Kos Pengeluaran Ayam dan Telur terhadap beberapa ladang ayam pedaging dan ayam penelur terpilih secara suku tahunan sehingga sekarang. Objektif survei ini adalah bagi mengenal pasti kos yang terlibat dalam pengeluaran ayam dan telur ayam di peringkat ladang. Hasil survei ini juga diterjemahkan kepada **Newsletter Kos Pengeluaran Ayam dan Telur**.

Newsletter Kos Pengeluaran Ayam dan Telur Suku Tahun Ketiga 2025 memaparkan **purata harga** bagi dua (2) komponen utama iaitu **purata harga anak ayam (Day-Old-Chick, DOC)** dan **makanan ternakan ayam**. Kedua-dua komponen ini merangkumi harga bagi kedua-dua ayam pedaging dan ayam penelur. Selain itu, **Newsletter** ini turut memaparkan harga DOC, makanan ternakan dan kos pengeluaran di **peringkat ladang** secara siri masa dari suku tahun pertama 2023 sehingga suku tahun ketiga 2025.



Carta 1: Purata Harga DOC Ayam Pedaging dan Ayam Penelur, ST3 2025



Nota: Harga purata yang dipaparkan dalam RM/ekor

Purata kos belian **DOC ayam pedaging** bagi **ST3 2025** mencatatkan penurunan perlahan kepada **RM2.15 per ekor** berbanding ST2 2025 pada RM2.20 per ekor. Namun begitu, perbandingan tahun ke tahun pula menunjukkan peningkatan perlahan berbanding RM2.14 per ekor pada ST3 2024. Purata kos belian **DOC ayam penelur** mencatatkan penurunan sebanyak RM0.20 per ekor pada **ST3 2025** iaitu **RM4.92 per ekor** berbanding RM5.12 per ekor pada ST2 2025. Kos belian DOC pula mencatatkan peningkatan dari tahun ke tahun berbanding RM4.26 per ekor pada ST3 2024. **[Carta 1]**


Selain daripada kos belian DOC, makanan ternakan merupakan komposisi terbesar dalam kos ternakan ayam dan telur. Justeru, sebarang perubahan harga makanan ternakan bagi ayam pedaging dan ayam penelur akan mempengaruhi kos pengeluaran ayam sekaligus memberi kesan kepada harga jualan ayam pedaging dan telur ayam di peringkat ladang, borong dan runcit. Terdapat tiga (3) jenis makanan ternakan iaitu *Starter*, *Grower* dan *Finisher/Layer* mengikut tempoh tumbesaran ayam. Tempoh tumbesaran peringkat *Starter* adalah 0-14 hari, peringkat *Grower*, 15-30 hari manakala *Finisher/Layer* adalah 31 hari sehingga dijual.

Kuantiti makanan yang diperlukan adalah berbeza mengikut tempoh tumbesaran di setiap peringkat. Sehubungan itu, harga makanan bagi ketiga-tiga peringkat tumbesaran dari DOC kepada ayam pedaging dan ayam penelur berbeza bergantung kepada kandungan nutrien yang diperlukan di setiap peringkat. Makanan ternakan dijual dalam bungkusan 50 kg.



Purata Kos Makanan Ternakan Ayam Pedaging

Carta 2: Purata Kos Makanan Ternakan Ayam Pedaging, ST3 2025



Nota: Harga purata yang dipaparkan dalam RM/50kg

Pada **ST3 2025**, kos purata makanan ternakan bagi *Starter*, *Grower* dan *Finisher* adalah **RM120.21**, **RM118.16** dan **RM114.88**. Bagi **ST2 2025** pula, makanan ternakan ayam pedaging bagi *Starter*, *Grower* dan *Finisher* adalah RM119.62, RM117.33 dan RM114.19. Secara keseluruhannya, kos makanan ternakan mengalami peningkatan perlahan pada ST3 2025 di setiap peringkat tumbesaran ternakan berbanding ST2 2025. **[Carta 2]**


Bagi perbandingan tahun ke tahun, purata kos makanan ternakan ayam pedaging mencatatkan penurunan perlahan berbanding ST3 2024. Pada **ST3 2024** kos makanan ternakan bagi *Starter*, *Grower* dan *Finisher* adalah RM125.37, RM120.68 dan RM120.28 penurunan sebanyak RM5.16, RM2.52 dan RM5.40 masing masing bagi *Starter*, *Grower* dan *Finisher*.

Secara purata, kos makanan ternakan **ayam pedaging** bagi suku tahun ketiga 2025 mencatatkan peningkatan perlahan sebanyak RM0.70 daripada **RM117.75** berbanding RM117.05 pada ST2 2025. Sementara itu, purata kos makanan ternakan merekodkan penurunan sebanyak RM4.36 berbanding RM122.11 pada ST3 2024.



Purata Kos Makanan Ternakan Ayam Penelur

Carta 3: Purata Kos Makanan Ternakan Ayam Penelur, ST3 2025



Nota: Harga purata yang dipaparkan dalam RM/50kg

Pada ST3 2025, harga makanan ternakan di peringkat *Starter*, *Grower* dan *Layer* adalah **RM101.75**, **RM87.47** dan **RM90.81**. Manakala bagi ST2 2025 pula, *Starter* mencatatkan purata harga RM104.74, *Grower* adalah RM92.07 dan *Layer* adalah RM94.44. Secara keseluruhannya, harga makanan ternakan pada ST3 2025 mengalami penurunan perlahan sebanyak RM2.99, RM4.60 dan RM3.63 bagi ketiga-tiga peringkat *Starter*, *Grower* dan *Layer* berbanding ST2 2025. **[Carta 3]**


Purata kos makanan ternakan ayam penelur mencatatkan penurunan dari tahun 2024 ke tahun 2025. Pada ST3 2024 kos makanan ternakan bagi *Starter*, *Grower* dan *Layer* adalah RM114.01, RM95.42 dan RM97.07. Terdapat perbezaan harga sebanyak RM12.26, RM7.95 dan RM6.26 pada ST3 2025 bagi ketiga-tiga peringkat *Starter*, *Grower* dan *Layer* berbanding ST2 2025.

Secara purata, kos makanan ternakan ayam penelur mencatatkan penurunan pada sebanyak **RM3.75** pada **ST3 2025** iaitu **RM93.34** berbanding RM97.09 pada ST2 2025. Purata kos makanan ternakan juga mencatatkan penurunan sebanyak RM8.83 pada ST3 2025 berbanding RM102.17 pada ST3 2024.



Purata Kos Makanan Ternakan Ayam Pedaging dan Ayam Penelur

Carta 4: Purata Kos Makanan Ternakan Ayam Pedaging dan Ayam Penelur, ST1 2023 - ST3 2025



Nota: Harga purata yang dipaparkan dalam RM/50kg

Kos makanan ayam pedaging mengalami peningkatan perlahan-lahan pada permulaan tahun 2023. Namun, ia menunjukkan momentum penurunan bermula ST1 2024 sehingga kini. Manakala, purata kos makanan ternakan ayam penelur mengalami penurunan pada permulaan ST1 2023 dan berlaku peningkatan pada ST4 2023. Walau bagaimanapun, pada ST1 2024 menunjukkan aliran penurunan sehingga kini. **[Carta 4]**


Komponen utama dalam pembuatan makanan ternakan adalah jagung dan kacang soya. Kedua-dua bahan ini diimport dari luar negara. Negara pengimport utama jagung adalah Argentina manakala kacang soya pula adalah negara Amerika Syarikat. Sehubungan itu, kebergantungan yang tinggi terhadap import bahan mentah telah mempengaruhi kos makanan ternakan kerana dipengaruhi oleh **kadar tukaran matawang asing, terma dan rujukan kontrak antara syarikat pengimport dengan pembekal serta bekalan.**

Kos pengeluaran ayam pedaging dikira dengan mengambil kira dua (2) komponen utama iaitu harga DOC ayam pedaging dan makanan ternakan ayam pedaging. Manakala kos pengeluaran telur ayam pula dikira berdasarkan kos tumbesaran ayam penelur daripada DOC sehingga mencapai usia bertelur dan juga makanan ternakan bagi ayam penelur.



Kos Pengeluaran Ayam dan Telur Ayam

Carta 5: Kos Pengeluaran Ayam dan Telur Ayam, ST1 2023 – ST3 2025



Kos pengeluaran bagi ayam pedaging mencatatkan RM6.07 per kilogram dan mengekalkan kos yang sama seperti ST2 2025. Namun begitu, kos ini pada suku tahun ini mengalami penurunan berbanding RM6.20 per kilogram pada ST3 2024. Kos pengeluaran ayam ini secara keseluruhannya mengalami peningkatan perlahan pada permulaan tahun 2023. Namun, ia mula menunjukkan momentum penurunan bermula ST3 2023 sehingga kini. **[Carta 5]**

Kos pengeluaran telur ayam adalah pada kadar RM0.35 sebiji pada ST3 2025 berbanding RM0.36 sebiji pada ST2 2025. Sementara itu, kos pengeluaran telur ayam mencatatkan penurunan tahun ke tahun berbanding RM0.38 sebiji pada ST3 2024. Secara keseluruhannya, kos pengeluaran telur ayam mula menurun sejak ST1 2024, kekal sehingga ST3 2024 dan menurun pada ST4 2024 sehingga kini.

Subsidi dan kawalan harga ayam telah dihentikan sejak 1 November 2023 mengambil kira bekalan semasa dan harga yang mula stabil. Manakala, subsidi telur ayam telah ditamatkan sepenuhnya mulai 1 Ogos 2025 selepas kadar subsidi dikurangkan pada 1 Mei 2025 sebagai sebahagian daripada langkah penyasaran semula oleh subsidi kerajaan berikutan kos pengeluaran yang stabil dan bekalan telur ayam yang mencukupi.



NOTA TEKNIKAL

Konsep dan Definisi

Kapasiti ladang kecil	:	Ladang dengan kapasiti ternakan kurang daripada 10,000 ekor ayam.
Kapasiti ladang semi komersial	:	Ladang dengan kapasiti ternakan antara 10,000 hingga 49,999 ekor ayam.
Kapasiti ladang komersial	:	Ladang dengan kapasiti ternakan lebih daripada 50,000 ekor ayam.
Kategori penternak Integrator	:	Syarikat atau orang perseorangan yang telah mengikat perjanjian dengan penternak ayam. Membekalkan anak ayam dan makanan serta perkhidmatan lain kepada penternak. Membeli semula ayam dari penternak dengan harga yang telah ditetapkan dengan peternak.
Kategori penternak Penternak Kontrak	:	Penternak yang telah mengikat perjanjian pemeliharaan ayam dengan Syarikat <i>integrator</i> atau orang perseorangan. Mendapat anak ayam dan makanan serta perkhidmatan tambahan dari integrator atau orang perseorangan dan memelihara ayam sehingga tempoh jualan. Menjual ayam kepada Syarikat integrator atau orang perseorangan dengan harga yang telah dipersetujui bersama.
Kategori penternak Persendirian	:	Penternak persendirian ialah penternak ayam pedaging yang membeli anak ayam, makanan ayam, memelihara ayam dan menjual ayam dengan menggunakan modal sendiri.
Day-Old-Chick (DOC)	:	Anak ayam umur sehari (DOC) ialah anak ayam yang berumur kurang 72 jam dari hari penetasannya.



Skop dan Liputan

Survei Kos Pengeluaran Ayam dan Telur dijalankan pada setiap suku tahun meliputi peringkat ladang, borong dan runcit. Survei ini melibatkan penternak ayam pedaging, ayam penelur, pertubuhan borong dan runcit terpilih di Malaysia. Melalui rangka pensampelan ternakan ayam yang diterima daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebanyak 237 syarikat atau 45 ladang ayam pedaging dan ayam penelur telah terpilih bagi pelaksanaan survei ini.

Pemilihan sampel ladang ayam pedaging dan penelur ini turut meliputi penternak dengan kapasiti ladang kecil, semi komersial dan komersial. Selain itu, sampel ini juga hanya meliputi kategori penternak *Integrator* dan Persendirian sahaja.

Limitasi dan Cabaran Semasa Pelaksanaan Survei

- I. Kajian khas ini dijalankan ke atas syarikat/ ladang penternak ayam pedaging dan ayam penelur serta pemborong dan peruncit yang menjalankan aktiviti jualan ayam dan telur ayam yang terpilih di seluruh Malaysia sahaja. Namun, ia boleh digunakan untuk menyokong dalam memberi gambaran tentang situasi kos pengeluaran ayam dan telur ayam di peringkat ladang, borong dan runcit. Walau bagaimanapun, penemuan ini perlu digunakan secara berhati-hati dan DOSM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi daripada penggunaan statistik ini.
- II. Survei ini hanya tertumpu kepada industri penternakan ayam di peringkat ladang, borong dan runcit sahaja dan tidak termasuk industri hiliran seperti pembuatan dan pemprosesan produk berasaskan ayam dan telur seperti nuget, kek dan sebagainya.
- III. Survei ini hanya meliputi ladang penternakan ayam pedaging sahaja dan tidak termasuk jenis ayam lain seperti ayam kampung dan ayam kacuk.

